

CNS7535

R GB 03-04 . 00145 BA972

bah

Mahathir - Pasport

PENGGUNAAN PASPORT UNTUK DATANG KE SABAH AKAN DIKAJI

KOTA KINABALU, 3 April (Bernama) -- Peraturan menggunakan pasport untuk penduduk Semenanjung Malaysia datang ke Sabah akan dikaji, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berpendapat peraturan itu boleh menghalang pelancong datang ke negeri ini kerana ia bercanggah dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pelancongan dalam negeri.

"Kerajaan ingin melihat lebih banyak rakyat negara ini datang ke Sabah bagi merapatkan hubungan antara rakyat Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak." katanya pada persidangan akhbar sebelum berlepas balik ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan dua hari ke sini.

Beliau berkata peraturan ini sudahpun dimansuhkan semasa pemerintahan kerajaan Berjaya yang ditewaskan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam pilihan raya negeri 1985.

Tetapi, apabila PBS memerintah ia mengenakan peraturan mengekalkan penggunaan pasport itu, katanya. -- lagi

▼03/04/18-07MST

CNS7537

R GB 03-04 00148 BA973

bah

Mahathir - Pasport 2 Kota Kinabalu

Baru-baru ini Dr Mahathir ketika mengulas perkara yang sama berkata bahawa penggunaan pasport itu perlu dikaji kerana agak janggal bagi rakyat Malaysia dari negeri lain datang ke sini dengan menggunakan dokumen berkenaan.

Penggunaan pasport untuk penduduk dari Semenanjung yang datang ke Sabah dan Sarawak merupakan satu syarat yang dikenakan oleh kedua-dua negeri ini semasa menyertai Malaysia pada tahun 1963.

Mengulas pemansuhan beberapa jabatan dan agensi persekutuan, Perdana Menteri berkata setakat ini tidak ada apa-apa cadangan dibuat berhubung perkara berkenaan.

"Kita perlu buat kajian mengenai apa yang perlu dan apa yang tidak perlu. Yang perlu, kita teruskan dan yang tidak perlu kita akan hapuskan," katanya.

Teagasnya yang penting kerjasama rapat antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri dan soal jabatan dan agensi ini bukanlah menjadi isu dalam perkara ini. -- lagi

▼03/04/18-09MST

CNS7538

R GB 03-04 00090 BA974

bah

Mahathir - Pasport 3 (Akhir) Kota Kinabalu

Ketika ditanya mengenai arah masa depan Yayasan Sabah di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri berkata pecanannya mempunyai hubungan dengan perkongsian kekayaan di kalangan rakyat.

Katanya Yayasan Sabah sepatutnya menjadi sebuah badan yang kaya, yang mampu menyumbang ke arah pembangunan Sabah.

Berkongsi kekayaan bukan bermakna memberi wang tunai kepada semua rakyat tetapi memberi apa yang berfaedah kepada mereka setiap masa termasuk pembangunan, tambah beliau. -- Bernama

MOK OPP ZAA RON